

# 60,000 berhimpun di Istana Besar

UM - 12/05/66

**JOHOR BAHRU** 11 Mei - Istana Besar Johor Bahru sekali lagi mengukir sejarah apabila 60,000 umat Melayu dari seluruh negara berhimpun di perkarangan istana itu pagi ini bagi meraikan sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 yang diadakan secara besar-besaran.

Sambutan Ulang Tahun itu dirasmikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Majlis gilang-gemilang dengan penuh warna warni itu turut dihadiri Timbalannya, Datuk Sri Najib Tun Razak serta dua Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Puteri, Datuk Noraini Ahmad; ahli-ahli Majlis Tertinggi, ketua-ketua bahagian UMNO, dan beberapa veteran UMNO tidak ketinggalan memeriahkan majlis tersebut.

Pemilihan Istana Besar untuk sambutan kali ini bertujuan mengimbuai semula detik bersejarah penubuhan UMNO yang dilahirkan di istana berkenaan oleh Datuk Onn Jaafar pada 11 Mei 1946.

Majlis turut diserikan dengan keberangkatan Sultan Johor, Sultan Iskandar Ibn Almarhum Sultan Ismail dan Sultanah Zahariah Almarhum Tunku Ahmad, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail dan isteri, Raja Zarith Sofiah untuk bersantap bersama rakyat.

Ketibaan Presiden UMNO di pekarangan Tangga Agung istana itu pada pukul

## Teriakan 'Hidup Melayu' dengan penuh semangat patriotik daripada para hadirin bergema di seluruh pelosok pekarangan istana sebaik sahaja Abdullah melangkah di kawasan Tangga Agung Istana Besar

Laporan ZAHARUDDIN MOHD. ALI, LUKMAN ISMAIL, JAAFAR AHMAD, SUNARTI KIBAT, MOHD. FAIRUZ YUSOF, ROHANI IBRAHIM, HASNURUL MOHAMED dan MUHAMMAD KAMIL MASLIH.

Jurugambar: ISHAK RAHMAD, MOHD. FARIZWAN HASBULLAH dan NOORADZLENE MOHAMMED NOOR.

9.45 pagi disambut oleh Najib dengan diiringi barisan pembawa bunga manggar dan lelaki berpakaian hulubalang Melayu.

Teriakan 'Hidup Melayu' dengan penuh semangat patriotik daripada para hadirin bergema di seluruh pelosok pekarangan istana sebaik sahaja Abdullah melangkah di kawasan Tangga Agung Istana Besar.

Abdullah kemudian memeriksa perbarisan terdiri daripada Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO dengan disusuli lagu *NegaraKu* dan lagu *Bersatu, Bersedia, Berkhidmat* dan seterusnya menaikkan bendera UMNO.

Ketua Pemuda UMNO Johor, Razali Ib-

rahim pula mengetuai pembacaan ikrar ahli-ahli UMNO dan diikuti tayangan multimedia sejarah perjuangan UMNO dan tidak ketinggalan bacaan sedutan perutusan Datuk Onn oleh Datuk Rahim Razali.

Mufti Johor, Datuk Nooh Gadut kemudian membacakan doa seterusnya disusuli dengan ucapan Menteri Besar Johor; Datuk Abdul Ghani Othman dan ucapan Presiden parti.

Pada majlis tersebut, Abdullah turut menyampaikan anugerah Tokoh Melayu Terbilang kepada tokoh korporat Tan Sri Ir. Shamsuddin Abdul Kadir.

Sementara itu, Sultan dan Sultanah Johor tiba pada pukul 12.30 dan disambut oleh Presiden, Timbalan Presiden dan semua pemimpin UMNO yang berada di pekarangan Tangga Agung dengan diikuti lagu *Negeri Johor* oleh Pancaragam Askar Timbalan Setia Negeri Johor (TSN).

Selapas bertitah mengingatkan rakyat agar menjaga UMNO dengan baik, baginda berkenan menandatangani plak sebelum menerima cenderamata berupa sebilah pedang daripada Presiden parti sebelum berangkat ke majlis santapan bersama rakyat.